

Mahathir: Tak guna DEB jika Melayu mahu hidup cara mudah

KUALA LUMPUR 19 Jun — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini berkata, tidak ada gunanya Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan jika orang Melayu mahu hidup dengan cara yang mudah saja tanpa sebarang masalah.

Menurut beliau orang Melayu yang digesa untuk mehatkan diri dengan perusahaan dan perniagaan akan didedahkan dengan berbagai macam persoalan dan masalah harian. "Ini bukanlah satu cara atau persoalan yang mudah kepada mereka," tegasnya ketika meras-

mikan Kursus Pengurusan Persatuan Pengusaha-Pengusaha LRT — Tangki Bumiputera Malaysia di sini hari ini. Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan dorongan bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan

perindustrian bukanlah semata-mata atas motif mencari kekayaan. Apa yang penting, menurutnya, ialah untuk mengimbangkan kuasa dalam bidang itu di antara bukan bumiputera dengan bumiputera sendiri yang sedang pesat menerokai bidang terse-

Datuk Sri Dr. Mahathir menegur kalangan pengusaha bumiputera di negara ini terlampau banyak menubuhkan "syarikat mini", yang berlawanan di antara satu sama lain. "Hal ini akan mengakibatkan mereka hanya mampu untuk menjalankan perniagaan atau perusahaan dengan cara kais pagi makan pagi, kais perang makan petang," katanya. Beliau yakin sekiranya bumiputera yang terlibat dalam bidang perniagaan dapat menubuhkan satu gabungan syarikat yang lebih besar, ia akan meyakinkan semua pi-

hak. Timbalan Perdana Menteri mensifatkan latihan yang terbesar yang patut dihadapi oleh semua bumiputera ialah masalah harian dan seterusnya merangka keputusan untuk menyelesaikannya. "Mereka yang beroleh kejayaan adalah terdiri dari golongan yang berjaya mengatasi masalah yang datang bertimpa-timpa ke atas mereka," ujar beliau. Timbalan Perdana Menteri juga memberitahu satu bahagian khas telah dibentuk di Kementerian Perdag-

angan dan Perindustrian untuk memberi maklumat kepada kaum bumiputera yang ingin menceburkan diri mereka dalam perniagaan dan perusahaan kecil-kecilan. "Bahagian khas ini akan membuat satu kajian dari semua aspek perniagaan kecilan, termasuk pengkajiannya mengenai kos, sumber, modal, pengendalian, dan lokasi yang sesuai, untuknya," terangnya. Beliau mengingatkan bumiputera jangan hanya tertumpu kepada satu bidang perniagaan saja seperti mana yang selalu terjadi apabila seorang Melayu membu-

nya mengikut jejak langkahnya. Mengenai soal perkongsian dalam perniagaan, beliau menggalakkan bumiputera mendapatkan rakan perkongsian bukan bumiputera kerana dari merekalah kita dapat mempelajari serta mencungkil pengalaman. "Apabila sudah wujud kerjasama ini, janganlah pula kita duduk goyang kaki tanpa sebarang usaha," tegasnya.